

Kesesakan luar biasa LDP akibat banjir kilat melanda di dua lokasi

KUALA LUMPUR 18 Feb. - Kesesakan lalu lintas luar biasa telah berlaku di Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP) akibat banjir kilat selepas hujan lebat petang ini.

Pengurus Jabatan Komunikasi Litrak, Shah Rizal Mohamed Fawzi berkata, banjir kilat itu berlaku di dua lokasi iaitu Kilometer (KM) 21.6 dan KM23 dari arah Puchong Jaya ke

Bandar Puteri.

Katanya, hujan lebat luar biasa bermula pukul 5 petang hari ini telah mengakibatkan paras air di Sungai Klang berdekatan meningkat

“Keadaan tersebut menyebabkan air melimpah ke parit utama di bawah senggaraan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) berham-

piran serta laluan utama lebuh raya.

“Ini telah mengakibatkan kesesakan lalu lintas di beberapa kawasan berhampiran, termasuk pusat beli belah IOI Mall yang turut dinaiki air,” katanya dalam kenyataan akhbar di sini hari ini.

Menurut Shah Rizal, pihak Lingkaran Trans Kota Sdn. Bhd. (Litrak) telah mengambil tindakan segera

dengan menempatkan anggota peronda, pasukan penyenggaraan dan kejuruteraan bagi mengawal keadaan lalu lintas serta lori tunda.

“Pada masa yang sama, pusingan U sementara di KM19.9 telah dibuka bagi melencongkan trafik ke Lebuhraya Kesas untuk melancarkan aliran lalu lintas.

“Sementara itu, laporan keadaan banjir itu juga telah disebar melalui stesen radio, laman web Twitter Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan paparan mesej amaran kepada pengguna LDP pada Papan Mesej Elektronik (VMS) di LDP,” jelasnya.

Katanya, laluan dibuka semula pada pukul 7 malam selepas keadaan kembali pulih.